

Bab 7

Peranan Orang Cina dalam Perkembangan Sosial di Selatan Vietnam

Pendahuluan

Orang Cina yang tinggal tinggal di selatan Vietnam tidak pernah lupa tentang kebudayaan Cina. Mereka masih mengekalkan kebudayaan mereka dan identiti mereka sebagai orang Cina di selatan Vietnam. Malah orang Cina cuba mengembangkan kebudayaan Cina di selatan Vietnam.

Setelah orang Cina bertapak di selatan Vietnam, mereka mendirikan *hoi quan* (persatuan) dan tokong-tokong Cina. Bab ini mengkaji peranan orang Cina dalam bidang sosial dalam usaha mengekalkan identiti mereka sebagai orang Cina.

Peranan Orang Cina dalam Perkembangan Sosial

Sebelum abad ke-17, sudah wujudnya hubungan luar di antara Vietnam dengan China. Maka, kebudayaan orang Cina telah dibawa masuk ke Vietnam. Kebudayaan Cina mempunyai pengaruh yang mendalam dalam pelbagai aspek dalam kehidupan orang Vietnam. Sejak penaklukan kerajaan dinasti Han di utara Vietnam, kebudayaan Vietnam mula dipengaruhi terus oleh kebudayaan Cina. Malah wujudnya pertukaran budaya di antara orang Cina dan orang Vietnam.¹

¹ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.46.

Ciri-ciri kehidupan, adat istiadat dan kebudayaan komuniti Cina di selatan Vietnam dapat dilihat dengan jelas pada abad ke-17. Orang China dikenali sebagai “Anak Langit” (*Con Troi*). Negara China dianggap sebagai pusat dunia. China juga mempunyai penduduk yang ramai. Oleh yang demikian, orang Cina di Vietnam sentiasa bersemangat tinggi untuk memelihara identiti mereka. Apabila berada di China, orang Cina mungkin sering mengalami konflik dan menindas antara satu sama lain. Namun apabila orang Cina berada di negara lain, mereka akan bersatu padu untuk mempertahankan bangsa Cina dan memelihara identiti orang Cina.²

Tulisan Cina telah digunakan secara meluas dalam dokumen rasmi dan karya sastera Vietnam sehingga abad ke-20. Pada waktu itu, tulisan Cina seolah-olahnya juga merupakan tulisan yang dimiliki oleh orang Vietnam. Kepercayaan seperti agama Buddha, Taoisme dan Confucianisme juga telah dibawa masuk dari China ke dalam masyarakat Vietnam. Malah kerajaan Vietnam menggunakannya sebagai panduan untuk membuat undang-undang negara. Orang Cina yang berfikiran konservatif beranggapan bahawa mereka merupakan etnik yang besar dan unggul. Namun, akhirnya mereka sanggup menghapuskan perasaan ego mereka untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat Vietnam agar kebudayaan Cina dapat dikekalkan di Vietnam.

Menurut Dao Trinh Nhat, kebudayaan Cina dapat dilihat dengan jelas di kawasan petempatan orang Cina. Keadaan sedemikian seolah-olahnya orang Cina berada di negara asal mereka iaitu China. Ini bermakna ke mana orang Cina pergi, kebudayaan Cina juga akan dibawa ke sana. Walaupun orang Cina tinggal jauh dari kampung

² Ibid., hlm.68.

halaman mereka di China, namun orang Cina di Vietnam sentiasa berasa bangga dengan diri mereka yang mempunyai tamadun yang ulung.³

Tulisan Cina merupakan warisan kebudayaan Cina. Setiap komuniti Cina akan memberi keutamaan dalam hal pengajaran dan pembelajaran tulisan Cina terutamanya kanak-kanak yang tidak mengenal asal-usul tulisan Cina. Tulisan Cina telah diperkembangkan melalui kesusasteraan, sejarah dan kepercayaan. Orang Cina juga sentiasa mementingkan nasihat yang diberikan oleh ahli komuniti untuk memelihara kebudayaan Cina. Kerajinan, kesabaran dan amanah yang ada pada orang Cina telah menjadikan komuniti Cina sebuah komuniti yang kuat.

Secara realiti, hubungan di antara China dan Vietnam telah membuka laluan kepada pertembungan budaya kedua-dua buah negara. Oleh yang demikian, reaksi pertama orang Cina ialah mempertahankan dan memelihara kebudayaan Cina. Orang Cina mengetahui terdapat persamaan di antara kebudayaan Cina dan kebudayaan Vietnam. Malah sejarah telah membuktikan bahawa terdapat banyak orang Cina memberi taat setia kepada kerajaan Vietnam.⁴ Justeru itu, wujudnya integrasi budaya Vietnam di dalam masyarakat Cina.

³ Ibid., hlm.47-48.

⁴ Ibid., hlm.48-49.

Sumbangan Orang Cina dalam Kesusasteraan di Selatan Vietnam

Dari abad ke-17 hingga awal abad ke-19, muncul ramai orang Cina yang terkenal di Vietnam. Misalnya Mac Cuu (1655-1735) yang berasal dari Loi Chau, China, beliau pernah menjadi Gabenor Jeneral di Hatien. Sementara anak beliau yang bernama Mac Thien Tich (1710-1780) telah meneruskan pemerintahan di Hatien.

Mac Thien Tich telah menukar Hatien menjadi tempat tinggal yang menarik dan makmur serta sebagai pusat ilmu pengetahuan. Para sarjana dan sami Buddha dari kawasan Hokkien dan Quy Nhon telah menyahut seruan Mac Thien Tich untuk datang dan tinggal di Hatien yang makmur dan kaya. Pada tahun 1736, Mac Thien Tich telah mendirikan Akademi *Chieu Anh Cac* sebagai pusat pertemuan para sarjana Confucius yang bijaksana.⁵ *Chieu Anh Cac* merupakan sebuah organisasi yang mengumpulkan para sasterawan dan penyajak dari pelbagai tempat untuk mengarang, mendeklamasikan sajak. Tema utama sajak adalah berkaitan dengan keindahan pemandangan Hatien dan masyarakat. Mac Thien Tich telah mempelawa para penyajak dari Phu Xuan, Quang Nam, Gia Dinh, Hatien dan Quang Dong (China) datang ke *Chieu Anh Cac* di Hatien untuk mengarang sajak dan menukar pendapat dalam kalangan penyajak. Mac Thien Tich memanggil para sarjana Confucius ini sebagai "*Thap Bat Anh*" yang bermaksud 18 orang sarjana kerana jumlah sarjana dalam akademi tersebut adalah 18 orang.⁶

Mac Thien Tich telah memilih sepuluh buah tempat Hatien yang indah pemandangan untuk dijadikan tema sajak. Sepuluh buah tempat ini ialah *Jin Yu Lan Tao*

⁵ Dong Ho, *Ha Tien Tap Canh* (Sepuluh Pemandangan di Hatien), Thanh Pho Ho Chi Minh : Nha Xuat Ban Van Nghe, 2006, hlm.9-37.

⁶潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm.84. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

(金屿栏涛), *Ping San Die Cui* (屏山叠翠), *Xiao Si Xiao Zhong* (箫寺晓钟), *Jiang Cheng Ye Gu* (江城夜鼓), *Shi Dong Tun Yun* (石洞吞云), *Zhu Yan Luo Lu* (珠岩落鹭), *Dong Hu Yin Yue* (东湖印月), *Nan Pu Cheng Bo* (南浦澄波), *Lu Shi Cun Ju* (鹿峙村居) dan *Lu Xi Yu Bo* (鲈溪渔泊).⁷

Setiap sarjana menghasilkan beberapa buah sajak yang menggambarkan keindahan semula jadi Hatien dengan gaya penulisan tradisional. Tidak lama kemudian, Mac Thien Tich menerima sebanyak 320 buah sajak daripada para penyajak. Justeru itu, pada tahun 1737, Mac Thien Tich menggunakan duit sendiri untuk mencetak sajak-sajak tersebut menjadi sebuah buku yang berjudul *Ha Tien Tap Vinh* (河仙十咏).⁸ Bahasa utama yang digunakan untuk mengarang sajak adalah bahasa Cina. Terdapat dua jilid sajak yang dikarang oleh mereka. Satu jilid sajak ditulis dalam bahasa Vietnam kuno (*Nom*) dan satu jilid lagi ditulis dalam bahasa Cina⁹. Sajak jilid bahasa Cina masih disimpan sehingga hari ini.

Selain itu, Mac Thien Tich juga mengarang sebanyak 32 buah sajak yang berkaitan dengan *Lu Xi* (Sungai Lu, 鲈溪). Beliau telah menghasilkan dua buah koleksi sajak yang berjudul *Lu Xi Xian Diao 32 Shou* (鲈溪閒钓首) dan *Lu Xi Xian*

⁷ 安南河仙十咏 (Sepuluh Pemandangan di Hatien Annam) dan Dong Ho, *Ha Tien Tap Canh* (Sepuluh Pemandangan di Hatien), Thanh Pho Ho Chi Minh : Nha Xuat Ban Van Nghe, 2006, hlm.9-37.

⁸ 潘安, 越南南部华人文化考究 (Budaya Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm.84-85. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

⁹ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.49.

Diao Fu (鲈溪閒钓赋), kemudian kedua-dua koleksi tersebut telah dijadikan sebuah koleksi yang berjudul *Ming Bo Yi Yu* (溟渤遗渔).¹⁰

Mac Thien Tich juga merupakan seorang penyajak *nom* (bahasa Vietnam kuno) yang terkenal. Beliau telah mengarang sebuah sajak *nom* yang berjudul *He Xian Shi Jing Qu Yong* (河仙十景曲詠) sepanjang 422 baris.¹¹ Kebijaksanaan Mac Thien Tich dalam *nom* adalah disebabkan oleh ibu dan isteri beliau merupakan orang Vietnam. Tambahan pula, Mac Thien Tich mahir dalam *nom* juga adalah kerana beliau sering kali mendengar ibunya menyanyi lagu rakyat Vietnam sejak beliau kecil.¹² Sehubungan itu, beliau mempunyai perasaan yang mendalam terhadap Hatien dan tanahairnya, selatan Vietnam.

Dengan adanya *Chieu Anh Cac*, ia telah mebekalkan ruang kepada para peminat sastera, penyajak dan cendekiawan untuk menjalankan aktiviti kesusasteraan. Selain daripada aktiviti mendeklamasikan sajak, *Chieu Anh Cac* juga mengadakan aktiviti seperti forum membincang isu semasa, mendirikan sekolah untuk kanak-kanak miskin dan golongan elit.¹³

Mac Thien Tich dan para sarjana menggunakan masa lapang untuk membincang sejarah negara (Hatien) dan mengarang sajak. Pada tahun 1736, seorang sarjana Confucius dari negara China yang bernama Tran Tu Hoai telah datang ke Hatien. Tugas

¹⁰ 陈荆和, “河仙镇叶镇郑氏家谱注释” (Penerangan Genealogi Keluarga Mac di Hatien), *文学史哲学报*, Vol.6, 1956, hlm. 93-94.

¹¹ 潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Hatien), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm.85. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

¹² *Ibid.*, hlm.87.

¹³ *Ibid.*, hlm.87.

beliau ialah mempengerusikan setiap sesi perbincangan antara para penyajak dan mendeklamasikan sajak yang berkaitan dengan sepuluh kawasan pemandangan yang indah dan terkenal di Hatien.¹⁴

Menurut seorang pengkaji sastera Vietnam yang bernama Li Zhi Yuan (黎智远):

Sajak Mac Thien Tich menggambarkan kehidupan yang berharapan. Rakyat dan negara (Hatien) mempunyai impian yang indah dan realistik. Kehidupan rakyat penuh dengan kegembiraan, optimistik, berfikiran sihat, berkeyakinan, kebanggaan dan harmoni. Rakyat Hatien berfikiran terbuka dan bertoleransi serta bersikap gagah dan berani. Kehidupan rakyat sentiasa bersemangat tinggi dan bertenaga. Ciri-ciri kehidupan dan penduduk selatan Vietnam semuanya terkumpul di Hatien.¹⁵

Sumbangan dan jasa Mac Thien Tich kepada Hatien memang cukup besar. Sebagai pemerintah di Hatien, beliau telah berjaya menjadikan Hatien sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa yang terkenal dan maju. Sementara sebagai seorang penyajak, Mac Thien Tich bukan sahaja telah menghasilkan banyak sajak yang berkualiti tinggi pada abad ke-18, malah Mac Thien Tich telah menjemput guru untuk mengajar ajaran Confucius kepada rakyatnya untuk meningkatkan tahap intelektual mereka. Justeru itu, ilmu pengetahuan berkembang pesat di Hatien. Impaknya ialah Hatien telah menjadi sebuah pusat intelektual yang berkembang maju dan terkenal dalam kalangan rakyat selatan Vietnam dan China.

¹⁴ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.50.

¹⁵潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm.87. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

Sementara seorang pelarian China yang bernama Vo Truong Toan yang melarikan diri daripada kekejaman kerajaan Manchuria (dinasti Qing), telah berhijrah ke kampung Thanh Ke di wilayah Thua Thien, Vietnam. Kemudian, beliau berhijrah ke selatan Vietnam dan tinggal di Binh Duong, Gia Dinh. Vo Truong Toan merupakan seorang cendekiawan. Di Binh Duong, beliau mengkaji kesusasteraan dan sejarah. Beliau juga merupakan guru kepada para mandarin di selatan Vietnam. Antara para mandarin terkenal pada zaman pemerintahan maharaja Gia Long yang merupakan anak murid Vo Truong Toan adalah seperti Trinh Hoai Duc, Le Quang Dinh, Ngo Nhan Tinh, Ngo Tung Chau dan Pham Dang Hung. Sajak terkenal Vo Truong Toan yang masih kekal sehingga hari ini adalah ”*Hoai Co*” (Kenangan Lama) yang ditulis dalam bahasa Vietnam kuno (*nom*).

Trinh Hoai Duc, Le Quang Dinh dan Ngo Nhan Tinh yang merupakan golongan mandarin pada zaman pemerinthan Gia Long juga merupakan tiga orang penyajak Cina yang terkenal di Gia Dinh. Trinh Hoai Duc yang berasal dari China tinggal di Tran Bien (Bien Hoa). Beliau juga merupakan sejarawan yang terkenal. Trinh Hoai Duc telah menghasilkan karya terkenal yang berjudul “*Gia Dinh Thanh Thong Chi*”. Ia merupakan sebuah karya yang berkaitan dengan keadaan geografi di selatan Vietnam.¹⁶ Karya tersebut menjadi sumber rujukan para pengkaji sehingga kini.

Sepanjang hidup Trinh Hoai Duc, beliau sentiasa bersama Le Quang Dinh dan Ngo Nhan Tinh mendeklamasikan sajak pada masa lapang. Sajak-sajak yang dikarang oleh ketiga-tiga orang penyajak tersebut merupakan sebahagian daripada koleksi “*Gia*

¹⁶ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.50.

Dinh Tam Gia Thi” (Tiga Orang Penyajak Gia Dinh). Selain itu, mereka juga telah menubuhkan “*Binh Duong Thi Xa*” (Persatuan Sajak Binh Duong) yang juga dikenali sebagai kumpulan “*Son Hoi*”. Sementara Le Quang Dinh merupakan orang *Minh Huong* yang berasal dari Phu Vang, Thua Thien, Vietnam. Ayah Le Quang Dinh meninggal dunia sewaktu beliau masih kecil. Disebabkan keluarga beliau miskin, beliau terpaksa mengikut ayahnya ke Gia Dinh. Beliau adalah seorang yang rajin belajar sehingga menjadi seorang penyajak yang terkenal. Ngo Nhan Tinh (Nhui Don) juga merupakan orang *Minh Huong*. Beliau telah banyak menghasilkan sajak sepanjang hidup beliau.¹⁷

Seorang lagi penyajak dan sasterawan Cina yang terkenal di Vietnam ialah Phan Thanh Gian (1795-1867). Beliau merupakan pegawai istana yang terkenal pada zaman pemerintahan Nguyen. Datuk beliau yang bernama Phan Thanh Tap adalah bekas pegawai istana kerajaan dinasti Ming yang melarikan diri ke Binh Dinh di Vietnam pada zaman kerajaan dinasti Qing. Phan Thanh Tap berkahwin dengan orang Vietnam dan melahirkan anak lelaki bernama Phan Thanh Ngan. Semasa peperangan di antara Tay Son dengan Pemerintah Nguyen, Phan Thanh Tap bersama keluarganya berpindah ke kampung Bao Thanh, daerah Bao An, wilayah Vinh Long di selatan Vietnam. Anak lelaki Phan Thanh Tap iaitu Phan Thanh Ngan juga berkahwin dengan orang Vietnam dan melahirkan anak lelaki bernama Phan Thanh Gian.¹⁸

¹⁷ Ibid., hlm.51.

¹⁸ Ibid.

Kepercayaan dan Agama Orang Cina di Selatan Vietnam

Di mana ada tempat tinggal orang Cina, di situ akan didirikan tokong Buddha, persatuan Cina, pasar, hospital, sekolah Cina dan kubur Cina. Tokong-tokong Buddha dan persatuan-persatuan Cina yang didirikan oleh orang Cina merupakan monumen dan bukti wujudnya kebudayaan Cina di selatan Vietnam. Pembinaan tokong-tokong Buddha dan persatuan-persatuan Cina di selatan Vietnam adalah berkait rapat dengan perniagaan dan kerjaya orang Cina di selatan Vietnam lebih daripada tiga abad.¹⁹

Ciri yang paling jelas dalam agama orang Cina adalah berlakunya proses asimilasi menyaling. Hal ini amat jelas di bandar-bandar Asia Tenggara yang didiami oleh orang Cina seberang laut. Setiap tokong Cina yang didirikan di Vietnam memuja dewa-dewi yang berbeza dan mempunyai keunikan tersendiri.

Di Tra Vinh, delta Mekong, *Phuc Ming Cung* (tokong Phuc Ming) yang dibina oleh orang Hokkien pada tahun 1556 merupakan tokong Cina tertua di delta Mekong. Tokong ini juga dikenali sebagai *Chua Ong Bon*. Inskripsi yang terdapat dalam *Phuc Ming Cung* ada menyatakan :

¹⁹ Ibid., hlm.52-53.

TRA VINH
茶榮

PHUC MINH CUNG
福明宮

Dibina oleh semua orang Hokkien
福建全体建筑

1556
一五五六年²⁰

Berdasarkan maklumat di atas, dapat dirumuskan bahawa sudah wujudnya petempatan orang Hokkien di Tra Vinh. Biasanya para pedagang Hokkien datang ke Phuc Ming Cung untuk memohon restu daripada dewa agar melindungi perdagangan mereka di Tra Vinh.

Rajah 7.1 : Inskripsi tentang Phuc Ming Cung yang dibina pada tahun 1556 oleh orang Hokkien di Tra Vinh, Dataran Mekong



Tokong *Quan De* di Bien Hoa merupakan antara tokong Cina terawal di selatan Vietnam. Menurut Trinh Hoai Duc dalam karya beliau berjudul *Gia Dinh Thanh Thong*

²⁰ Tokong Phuc Ming Cung di Tra Vinh, Dataran Mekong, selatan Vietnam.

Chi, Tokong Quan De didirikan pada tahun 1684 oleh lapan orang Cina daripada kumpulan Trinh Hoi. Pada tahun 1743, sebelas orang Cina dari kumpulan Trinh Khanh membina lebih daripada 20 persatuan Cina terutamanya di Saigon-Cholon. Persatuan-persatuan ini dibina atas tajaan daripada pelbagai suku kaum Cina di selatan Vietnam.²¹

Sementara tokong Quan Thanh yang dibina pada abad ke-17 merupakan tokong yang terawal di Hoian. Dipercayai tokong ini dibina pada tahun 1653. Tokong ini juga dikenali sebagai tokong Quan Cong atau tokong Quan De, Trung Han Cung atau Chua Ong. Tokong ini memuja Quan Vu (*Kuan Yu* 关羽). Menurut *Dai Nam Nhat Thong Chi* (Vol.5), tokong Quan Thanh terletak di Hoian. Ia didirikan oleh orang *Minh Huong*. Walaupun dokumen ini tidak menyatakan tarikh ia didirikan, tetapi tugu peringatan tokong yang didirikan pada tahun 1753 telah membuktikan bahawa tokong ini didirikan oleh penduduk kampung *Minh Huong* lebih daripada 100 tahun. Sementara inskripsi di permukaan loceng tokong menyatakan loceng ini dibina pada tahun 1678.²² Berdasarkan inskripsi pada plat tahun 1653 :

TRUNG HAN CUNG

澄漢宮

In the year Nham-ngo of the era of Long-phi (1702);
Donators : Hoang Hoi Thu, Tran Nang An, Tran Nguyen
Hoang dan Trang Huu Bat.²³

Tokong *Quan Am* (*Chua Quan Am*) yang dibina di belakang tokong *Quan Thanh* juga dipercayai dibina pada tahun 1653 oleh orang *Minh Huong*. Ini adalah

²¹ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.53.

²² Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.59-60.

²³ *Ibid.*, hlm.60.

kerana berdasarkan inskripsi yang tercatat pada plat yang digantung di depan dewan utama, wujudnya tahun 1653 seperti berikut :

Made on the auspicious day of the 12th lunar month in the year of Quy-ti during the reign of Khanh Duc (1653)

CHIEN DAN LAM

旗檀林

Repaired by Minh Huong xa in the year of Giap-thin during the reign of Thanh-thai (1904).²⁴

Kedua-dua buah tokong tersebut memainkan peranan penting dalam sosial dan kehidupan penduduk Hoian pada abad ke-17 dan abad ke-18 terutamanya kepada pedagang Cina atau penduduk yang tinggal di kampung *Minh Huong*. Berdasarkan catatan Da Shan yang tinggal di *Di Da Tu (temple of Di Da)* di Hoian pada tahun 1695 :

*There is Quan Phu Tu Mieu (Quan Thanh Temple) on the right of Di Da Tu (where I was lodging). The Mieu (shrine) serving as Hoi Quan (the Assembly Hall) of the Min people (Hokien), was the object of the most prosperous religious rites.*²⁵

Berdasarkan maklumat di atas, ia menunjukkan bahawa *Di Da Tu* yang merupakan tempat menetap Da Shan pada tahun 1695 sebenarnya adalah *Quan Am Phat Tu (Buddhist temple of Quan Am)* yang dinyatakan dalam inskripsi tugu peringatan tahun 1753, iaitu merupakan tokong *Quan Am (Chua Quan Am)* pada hari ini.

²⁴ Ibid., hlm.61.

²⁵ 大汕，余思黎点校，*海外纪事* (Rekod Sejarah Seberang Laut)，卷四，北京：中华书局，2000，hlm.80 (Da Shan, *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Sejarah Seberang Laut)，Vol.4, Beijing : Beijing Zhong Hua Shu Dian, 2000, hlm.80).

Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.62.

Tokong lain ialah *Cam Ha Hai Binh Nhi Cung* (*The two temple of Cam Ha and Hai Binh*) yang terletak di Jalan Phan Chu Trinh di Hoian. Menurut inskripsi yang terdapat dalam tokong, pada asalnya tokong *Cam Ha* terletak di sempadan di antara dua buah kampung iaitu Cam Pho dan Thanh Ha. Oleh yang demikian, ia diberi nama sebagai tokong Cam Ha. Pada tahun 1626, ditambah tokong Hai Binh di sebelah kanan tokong *Cam Ha*. Tokong Hai Binh sebelum ini dikenali sebagai *Chua Ong* atau *To Dinh*. Di tokong *Cam Ha*, penduduk Hoian memuja *Bao Sinh Dai De* (*His Majesty the Protector of Life*) dan 36 orang Jeneral. Sementara di tokong Hai Binh, penduduk memuja *Thien Hau* (*Queen of Heaven*) dan *Sinh Thai Nhi Tien Nuong* (*Twelve fairly Protector of Births*).

Selain itu, terdapat dua buah tokong Cina yang dibina pada abad ke-17 di Hoian iaitu *Van Tho Dinh* (*Pavillion of Longevity*) dan tokong Buddha iaitu *Quang Yen Tu*. Menurut Profesor Diep Truyen Hoa, *Van Tho Dinh* dibina oleh kumpulan *Thap Lao*. Sementara *Quang Yen Tu* dibina pada tahun 1670-an. Menurut inskripsi yang berjudul “*Quang Yen Tu Bi*”, pada tahun 1680, Hong Tuong (洪祥) yang berasal dari kampung *Minh Huong* mendapati bahawa loceng pagoda tidak berfungsi, maka beliau telah menderma 100 *quan* kepada tokong untuk membeli tiga ekar sawah padi bagi membiayai kos perkhidmatan tokong. Tindakan baik beliau ini telah memberi ilham kepada kampung *Minh Huong* membeli lapan ekar sawah padi untuk membiayai perbelanjaan am tokong.²⁶

²⁶ Chen Chingho A., *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Southern Illinois University : Center for Vietnamese Studies, 1974, hlm.62-63.

Inskripsi yang ada pada loceng *Quang Yen Tu* mencatatkan bahawa :

*Agreeable wind and favorable rain ... official in charge of the control of province at prefecture of Quangchau, province of Quangdong, with special reward of twelve degrees, and wife Tran Thi ..., donated a temple bell of more than 200 can, in order to serve the Buddha of Quang Yen Tu. The bell was cast by Van Danh Kiln at Phan Thuy (Fan Shan) of (sub-prefecture) Phat Son (Fo Shan). On the auspicious day of the year Mau-thin, or the 27th year of Knag-shi (1688). A peaceful state with contented subject.*²⁷

Di Bien Hoa, tokong That Phu (*That Phu Co Mieu* / 七府古廟) telah dibina pada Mei 1684. Ia merupakan tokong yang tertua di Bien Hoa. Perkataan “That Phu” merujuk tujuh kawasan di China yang merupakan kampung halaman imigran Cina yang berhijrah ke Bien Hoa iaitu Phuoc Chau, Chuong Chau, Quang Chau, Trieu Chau, Quyn Chau dan Ninh Ba. Kini ia merujuk lima suku (*bang*) Cina yang menetap di selatan Vietnam iaitu Teochew, Quang Chau, Fukkien, Khek dan Hainan.

Tokong That Phu terletak di berhadapan dengan sungai Dong Nai. Tokong ini juga dikenali sebagai tokong Quan De (*Mieu Quan De*) atau tokong Ong (*Chua Ong*). Idea pembinaan tokong ini datang daripada Trinh Hoi (datuk Trinh Hoai Duc) yang merupakan orang Hokkien dan berhijrah dari China untuk menetap di Bien Hoa selepas kejatuhan kerajaan Ming di China pada tahun 1644. Tokong ini merupakan tempat sembahyang dan tempat berkumpul orang Cina yang menetap di Bien Hoa. Tokong That Phu dibaikpulih oleh anak Trinh Hoi yang bernama Trinh Khanh pada April 1743. Kemudian, anak Trinh Khanh iaitu Trinh Hoai Duc meneruskan usaha ayahnya menjaga

²⁷ Ibid., hlm.63-64.

dan memelihara tokong ini. Maka dapat dirumuskan bahawa tiga generasi keluarga Trinh telah memainkan peranan penting dalam usaha membina dan menjaga tokong That Phu.²⁸

Sementara Tokong Phung Son (Phung Son Tu) dibina pada tahun 1699 oleh imigran Cina suku Hokkien yang berhijrah ke Bien Hoa. Oleh yang demikian, tokong ini juga dikenali sebagai Phuoc Kien Hoi Quan. Tokong ini berperanan sebagai tempat sembahyang. Selain itu, sekolah Hoa Van Duc Duc yang dibina di tokong ini bertujuan memberi pendidikan kepada anak-anak Cina di Bien Hoa.²⁹

Orang Cina yang menetap di wilayah Fujian, China sangat menghormati dewi Thien Hau sebagai Tuhan Laut Wanita. Mereka mempercayai bahawa dewi Thien Hau akan melindungi pelayar laut agar mempunyai perjalanan laut yang selamat. Oleh yang demikian, pelayar laut Cina yang berjaya berhijrah dari China dan menetap di selatan Vietnam akan mendirikan tokong dewi Thien Hau di selatan Vietnam kerana mereka mempercayai bahawa dewi Thien Hau telah melindungi mereka sehingga mereka selamat sampai di destinasi. Misalnya tokong Thien Hau (Den Ba Thien Hau) dibina pada tahun 1725 oleh pedagang Cina yang datang berniaga di Phu Hai, wilayah Binh Thuan dan tokong Thien Hau yang dibina pada tahun 1760 di Saigon. Mereka menyembah dewi Thien Hau.³⁰

²⁸ Sumber dari tokong That Phu (That Phu Co Mieu) di 167, Jalan Cach Mang Thang 8, Bien Hoa, selatan Vietnam.

²⁹ Ibid.

³⁰ *Trang Vang Nguoi Hua Thanh Pho Ho Chi Minh va Nam Bo* (Kecemerlangan Orang Cina di Bandar Ho Chi Minh dan Selatan Vietnam), hlm. 372.

Selain tokong, terdapat juga pertubuhan-pertubuhan dialek yang ditubuhkan oleh orang Cina pada abad ke-17. Pertubuhan-pertubuhan ini ditubuhkan berdasarkan suku kaum Cina dan di bawah pengurusan suku kaum masing-masing. Di Vietnam, persatuan suku kaum ini dipanggil sebagai *bang* (帮) yang ditadbir oleh ahli jawatankuasa *bang*. Setiap *bang* mempunyai sekolah sendiri, tapak perkuburan, hospital dan tokong yang membekalkan kemudahan kepada ahli-ahli *bang*. Selain itu, setiap *bang* mempunyai Dewan Perhimpunan sendiri, yang biasanya dikenali sebagai *Hoi Quan*.

Hoi Quan di selatan Vietnam mempunyai dua fungsi iaitu yang pertama sebagai tempat pertemuan antara ahli *bang*. Fungsi kedua ialah sebagai tokong untuk memuja dewa-dewi *bang* sendiri. Di Hoian, terdapat empat *hoi quan* iaitu *Phuc Kien Hoi Quan* (Persatuan Fujian), *Quang Trieu Hoi Quan* (Persatuan Quandong), *Trieu Chau Hoi Quan* (Persatuan Teichiu) dan *Quynh Phu Hoi Quan* (Persatuan Hainan) yang dimiliki oleh setiap *bang*. Sementara *Trung Hoa Hoi Quan* (Persatuan Trung Hoa) merupakan sebuah persatuan yang menggabungkan semua persatuan dialek.

Antara *hoi quan* yang ditubuhkan di Hoian, *Phuc Kien Hoi Quan* merupakan *hoi quan* yang tertua di Hoian yang dibina pada tahun 1757 oleh seorang pedagang Hokkien yang berasal dari Chuan Chow yang bernama Shih Hung Cheh. *Phuc Kien Hoi Quan* juga dikenali sebagai *Thien Hau Mieu* (*Shrine of the Queen of Heaven*), *Kim Son Mieu* atau *Kim Son Tu*. Nama *Kim Son Tu* masih digunakan sampai hari ini. Inskripsi pada plat dalam *hoi quan* mencatat “*it has been more than sixty years since the first temple was dedicated to the cult of Thien Hau*”. Namun, Da Shan yang melawat Hoian

pada tahun 1695, beliau mengatakan bahawa pada waktu itu *Phuc Kien Hoi Quan* berfungsi sebagai tokong Quan Thanh.³¹

Di Saigon-Cholon, terdapat beberapa buah tokong orang Cina telah didirikan. Misalnya *Tokong Giac Lam* yang didirikan oleh orang *Minh Huong* yang bernama Ly Thuy Long yang berasal dari Phu Tho pada tahun 1744. Sementara tokong *Minh Huong Gia Thanh* telah dibina oleh orang *Minh Huong* di Cholon pada tahun 1789. Loceng yang terdapat dalam tokong *Minh Huong Gia Thanh* adalah dibina oleh penduduk kampung *Minh Huong* di Gia Dinh. Persatuan *Tue Thanh* pula dibina oleh orang Cina pada tahun 1796.³²

Pada penghujung abad ke-17, ramai orang Cina suku Hokkien yang berasal dari kawasan Quangchau dan Zhangchau (China) telah berhijrah dan menetap ke Saigon-Cholon. Golongan Cina ini menganggap Saigon-Cholon sebagai kampung halaman kedua bagi mereka. Pada peringkat awal, kehidupan mereka agak susah di sini. Selepas satu tempoh, kehidupan mereka di sini semakin stabil. Maka wujudnya keperluan rohani. Sehubungan itu, komuniti Cina di sini mula mengutip derma dan mendirikan Hoi Quan Nhi Phu Mieu pada awal abad ke-18 untuk menyembah Tuhan *Ong Bon*.

Hoi Quan Nhi Phu Mieu juga dikenali sebagai tokong *Ong Bon*. Ia merupakan tokong yang dibina oleh komuniti Cina yang menetap di De Ngan (kini kawasan Cholon) yang terletak di Saigon. Hoi Quan Nhi Phu Mieu yang dibina daripada kayu dan batu-

³¹ Ibid., hlm.65-66.

³² Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.54.

bata merupakan tokong yang klasik, unik dan bersejarah. Tokong ini berfungsi sebagai tempat sembahyang dan tempat pertemuan orang Hokkien di sini. Orang Cina suku Hokkien mengamalkan sikap tolong-menolong antara satu sama lain dan giat membuat kerja amal.³³

Seni bina tokong-tokong Cina pada peringkat awal adalah dalam keadaan yang sederhana. Kadang-kala tokong tersebut hanya mempunyai tempat sembahyang yang mudah. Tokong-tokong Cina ini juga merupakan tempat penginapan sementara bagi orang Cina yang baharu sampai di selatan Vietnam.

Apabila kehidupan orang Cina semakin stabil dan berkembang maju, maka wujudlah keperluan kehidupan rohani. Sehubungan itu, kepercayaan dan agama turut berkembang. Justeru itu, tokong-tokong Buddha dan persatuan-persatuan Cina telah banyak didirikan oleh masyarakat Cina di selatan Vietnam. Pada peringkat awal, orang Cina membawa bahan binaan dari China ke selatan Vietnam untuk membina Persatuan Ha Chuong, Persatuan Tue Thanh dan Persatuan Quynh Phu. Dalam hal pemulihan persatuan, orang Cina bekerjasama dengan pekerja Vietnam untuk menghasilkan bahan mentah di selatan Vietnam.³⁴ Kerjasama sedemikian bertujuan memudahkan dan menjimatkan kos pembinaan.

Persatuan-persatuan Cina bukan sahaja memberi perkhidmatan kepada orang Cina bahkan memberi perkhidmatan kepada orang awam. Kanak-kanak dan orang tua

³³ *Trang Vang Nguoi Hoa Thanh Pho Ho Chi Minh va Nam Bo* (Kecemerlangan Orang Cina di Bandar Ho Chi Minh dan Selatan Vietnam), hlm.75 dan sumber dari Hoi Quan Nhi Phu Mieu yang terletak di 264, Jalan Hai Thuong Lan Ong, Phuong 4, Quan 5, Bandar Ho Chi Minh.

³⁴ Ibid.

Vietnam datang ke persatuan Cina untuk sembahyang. Maka wujudnya pengaruh kebudayaan Cina ke atas orang Vietnam. Hal perkongsian kepercayaan di Vietnam juga merupakan satu keperluan dalam kehidupan orang Vietnam dan orang Cina. Ia juga merupakan proses integrasi antara orang Cina dengan penduduk lain di selatan Vietnam. Tokong-tokong dan persatuan-persatuan Cina yang dimiliki oleh pelbagai suku kaum Cina di selatan Vietnam mempunyai keunikannya tersendiri dan juga menunjukkan usaha orang Cina menyesuaikan diri untuk mengekalkan kepercayaan dan agama mereka di rantau orang. Semangat kental ini merupakan satu keunikan dalam membentuk kekuatan dan keunggulan orang Cina.

Pada setiap hari, orang Cina di selatan Vietnam pergi ke tokong dan persatuan untuk tujuan sembahyang. Keadaan ini dapat dilihat dengan lebih jelas apabila menjelang hari-hari perayaan utama orang Cina pada setiap tahun mengikut kalender lunar. Kira-kira 10,000 orang akan pergi ke tokong dan persatuan untuk sembahyang pada setiap hari dari pagi hingga malam. Antara perayaan utama mengikut kalender lunar adalah seperti hari jadi dewa-dewi. Misalnya hari jadi dewa Ngoc Hoang pada 9 Januari, hari jadi dewa Quan Cong pada 13 Januari, hari jadi dewa Ong Bon pada 15 March dan hari jadi dewi Thien Hau (*Ba Thien Hau*) pada 23 March.

Perayaan-perayaan lain yang juga disambut dengan meriah oleh orang Cina pada setiap tahun mengikut kalender lunar. Ini termasuk Hari Peringatan Confucius dan 72 orang anak muridnya (Sarjana Confucius) di Van Mieu (Tokong Kesusasteraan), Hari Tahun Baru (*Ngay Tet Nguyen Dan*), perayaan hari pertama setiap bulan (*Ngay Loc*), perayaan hari ke-15 setiap bulan (*Ngay Vong*), Hari ke-15 Januari (*Ngay Thuong*

Nguyen), Perayaan Makanan Daging Sejuk (*Ngay Han Thuc*) pada 3 March, Hari Ching Ming (*Tiet Thanh Minh*) pada March, Perayaan Pertandingan Perahu Naga (*Tet Doan Ngo*) pada 5 Mei, Hari Hantu pada 15 Julai dan Perayaan Kuih Bulan atau Perayaan Pertengahan Musim Luruh (*Ngay Tet Trung Thu* pada 15 Ogos, hari ke-15 Oktober (*Ngay Ha Nguyen*) dan hari ke-15 November (*Tiet Dong Chi*).³⁵

Pada Tahun Baru (*Tet*), semua orang Cina dan orang Vietnam akan pergi ke tokong dan persatuan untuk sembahyang dan memohon daripada dewa-dewi agar memberi kebahagiaan dan perlindungan kepada ahli sekeluarga dan komuniti sepanjang tahun. Mereka akan melepaskan burung dari sarang atau melepaskan ikan atau kura-kura ke dalam sungai sebagai tanda kebebasan. Selepas itu, mereka akan meletakkan duit ke dalam kotak derma di dalam tokong atau persatuan. Duit derma tersebut akan digunakan untuk membuat kerja-kerja pemulihan dan pemeliharaan tokong dan persatuan, mendirikan sekolah, hospital, tapak perkuburan Cina dan membuat kebajikan kepada masyarakat. Pada hari Tahun Baru, terdapat persembahan tarian naga dan tarian singa serta persembahan di atas pentas. Selain sebagai tempat menjalankan upacara keagamaan, tokong dan persatuan Cina juga berperanan sebagai pusat kebudayaan dan pusat pendidikan orang Cina.³⁶ Kebudayaan Cina telah banyak mempengaruhi kehidupan orang Vietnam dalam pelbagai bidang. Malah kebudayaan Cina telah menjadi sebahagian daripada kebudayaan penduduk Vietnam sejak beberapa abad yang lalu.

³⁵ Ibid., hlm.54-55.

³⁶ Ibid., hlm.56.

Karya *Gia Dinh Thanh Thong Chi* ada menggambarkan kebudayaan Cina telah membentuk kebudayaan Saigon untuk kira-kira dua abad. Berdasarkan karya *Gia Dinh Thanh Thong Chi* :

12 batu di setiap kawasan selatan, kedua-dua belah jalan raya utama merupakan jalan besar yang menghubungkan tiga jalan raya sehingga ke lembah sungai, lebarnya ialah 1.5 jalan raya dan panjang jalan raya adalah mengikut panjang sungai. Setiap jalan raya akan melintasi antara satu sama lain. Bandar dan kampung terletak sebelah menyebelah. Orang Cina dan Orang Vietnam tinggal bersama dalam tiga batu. Barang-barang yang dijual di bandar-bandar adalah seperti kain sutera tekat, kayu, porselin, kertas, mutiara, buku, ubat, serbuk teh dan lain-lain. Beberapa jenis barang keluaran Nam Bac dibawa masuk melalui jalan darat dan jalan laut. Bermula dari utara, jalan raya utama mempunyai Tokong Quan Thanh dan terdapat tiga buah persatuan iaitu Persatuan Phuc Chau, Persatuan Quang Dong dan Persatuan Trieu Chau yang didirikan di kedua-dua kiri dan kanan jalan raya. Di sebelah barat jalan raya utama terdapat Tokong Thien Hau. Berdekatan dengan barat pula terdapat Persatuan On Lang. Bermula di selatan, jalan raya yang menyusur ke barat terdapat Persatuan Chuong Chau. Menjelang Tahun Baru (Ngay Tet), Bulan Purnama (Ngay Trang), Perayaan Pemenang Daripada Tiga Peperiksaan (Tam Nhuyen), hari pertama dan hari ke-15 setiap bulan, ramai orang Cina akan pergi ke tokong dan persatuan. Saigon merupakan sebuah bandar besar dan sibuk.³⁷

Maka jelaslah bahawa kebudayaan Cina telah bertunjang akar di selatan Vietnam malah telah berintegrasi dengan kebudayaan Vietnam.

Ramai orang Cina tidak ingin berkahwin dengan penduduk peribumi kerana kebanyakan daripada mereka bimbang jika mereka berkahwin dengan orang Vietnam, maka adalah susah untuk mereka mengekalkan keseluruhan kebudayaan Cina atau

³⁷ Trinh Hoai Duc, *Gia Dinh Thanh Thong Chi* (Sejarah Gia Dinh), Ban Dia Cua Tu Trai Nguyen Tao, Nha Van Hoa, Phuc Quoc Vu Khanh Dac Trach Van Hoa, 1972, hlm.98-99.

mengekalkan identiti mereka sebagai orang Cina. Mungkin boleh dikatakan bahawa kebudayaan Cina merupakan aset jiwa mereka. Orang Cina berpendapat bahawa adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memelihara kebudayaan Cina terutamanya bagi mereka yang terpaksa meninggalkan kampung halaman mereka di China dan bekerja di negara lain. Oleh yang demikian, dalam pelbagai warisan komuniti terutamanya dalam kalangan keluarga kaya dan berkedudukan tinggi, mereka selalunya mempunyai peraturan sendiri untuk mengelakkan anak lelaki mereka berkahwin dengan penduduk peribumi Vietnam.

Dalam keluarga besar, anak lelaki sulung mesti menjadi contoh teladan kepada adik-adik mereka dan perlu berkahwin dengan orang Cina. Sementara perempuan Cina juga dinasihatkan agar berkahwin dengan orang Cina untuk mengelakkan kehilangan keturunan dan nama keluarga. Namun dalam banyak keadaan di mana perempuan Cina telah mengingkar arahan ibu bapa dan berkahwin dengan lelaki Vietnam. Akibatnya mereka telah ditinggalkan oleh semua ahli keluarga, saudara mara dan komuniti.³⁸

Usaha orang Cina untuk mengekalkan kebudayaan mereka juga berkait rapat dengan amalan tradisi ajaran Confucius. Ajaran Confucius merupakan satu model pendidikan China yang mengajar tentang nilai-nilai moral dan cara menjadi insan yang baik. Prinsip asas pendidikan China adalah mematuhi arahan ibu bapa dan menghormati ibu bapa serta mengamalkan prinsip perikemanusiaan, keadilan, keadaban, intelektual dan amanah. Semua ini merupakan sebahagian daripada kebudayaan Cina. Amanah merupakan elemen yang amat penting dalam kehidupan orang Cina terutamanya dalam

³⁸ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.69.

bidang perniagaan. Orang Vietnam percaya bahawa berniaga dengan orang Cina adalah selamat dan tidak akan ditipu ataupun dikhianati oleh mereka. Ajaran Confucius mengajar manusia harus hidup bertanggungjawab, menghormati nenek moyang, mematuhi arahan orang atasan dan menolong orang yang kurang bernasib baik.³⁹

Jika kehilangan tradisi ajaran Confucius, maka orang Cina bukan lagi dianggap sebagai orang Cina. Ajaran Confucius telah berkembang kukuh dalam komuniti Cina di seberang laut terutamanya di selatan Vietnam. Ajaran Confucius bagaikan jiwa orang Cina yang merupakan asas kebudayaan Cina. Malah ajaran Confucius telah banyak mempengaruhi kebudayaan, adat resam dan nilai moral penduduk peribumi Vietnam.

Walaupun orang Vietnam di selatan Vietnam tidak mempunyai tradisi menerima ajaran Confucius untuk jangka masa yang panjang berbanding dengan orang Vietnam di utara Vietnam, namun terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa mereka telah menerima ajaran Confucius dan sistem pendidikan istana dinasti Qing. Semua ini merupakan pertukaran rapat antara orang Vietnam dengan komuniti Cina di Vietnam.⁴⁰

Rumusan

Walaupun orang Cina telah meninggalkan kampung halaman mereka di China, namun mereka tidak pernah melupakan kebudayaan Cina semasa mereka berada di selatan Vietnam. Tokong-tokong dan persatuan orang Cina telah didirikan sebagai tanda untuk memelihara dan mempertahankan kebudayaan Cina di rantau orang.

³⁹ Ibid., hlm.70.

⁴⁰ Ibid., hlm.71.

Selain itu, orang Cina merupakan bangsa yang rajin, bersabar, bersatu padu, tolong-menolong antara satu sama lain serta mementingkan amanah. Semua ini merupakan unsur penting dalam kebudayaan Cina. Tidak kira di mana orang Cina berada, mereka tidak pernah lupa bahawa mereka adalah bangsa yang unggul serta mempunyai tamadun yang agung.